



PM berterima kasih pada UMNO raih undi Melayu

BAGAN DATUK: Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim mengutus ucapan terima kasih kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN) kerana membantu PH mengekalkan kerusi Kuala Kubu Bharu pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) tersebut.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memberitahu, beliau menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri sebelum Anwar berlepas untuk lawatan ke luar negara sebentar tadi.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, penghargaan tersebut ditujukan kerana BN berjaya memenangi semua lapan

Pusat Daerah Mengundi (PDM) majoriti Melayu pada PRK tersebut.

“Yang paling beliau (Anwar) suka kerana meningkatnya sokongan pengundi-pengundi Melayu kepada calon-calon Kerajaan Perpaduan.

“Semua PDM UMNO di sana meningkat (jumlah undi). Ada lapan, kesemuanya meningkat,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Calon PH dari DAP, Pang Sock Tao, memenangi PRK itu dengan majoriti 3,869 undi menumpaskan tiga lagi pencabarnya.

PRK DUN Kuala Kubu Bharu diadakan selepas kematian penyandangannya, Lee Kee Hiong, juga daripada DAP, akibat kanser.